

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : SEPTEMBER 2025

TAJUK : E-INVOIS MEMACU PENDIGITALAN EKOSISTEM PERNIAGAAN PMKS

Info Cukai

Oleh: HASiL

E-Invois

Memacu Pendigitalan Ekosistem Perniagaan PMKS

Dalam landskap ekonomi yang mencabar dan dipacu oleh kemajuan teknologi, pendigitalan kini menjadi keperluan asas bagi memastikan perniagaan kekal relevan, berdaya saing dan mampan. Seiring dengan usaha ke arah pendigitalan secara menyeluruh, Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) mengumumkan pelaksanaan e-Invois sebagai satu daripada inisiatif di bawah agenda digital nasional yang selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Pelaksanaan inisiatif ini membuka pelbagai ruang dan peluang kepada pembayar cukai, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi memastikan sistem perekodan dan dokumentasi perniagaan dilaksanakan secara sistematik dan teratur. Selain itu, pelaksanaan e-Invois juga berperanan sebagai pemangkin transformasi digital dalam sektor perniagaan yang secara langsung dapat meningkatkan kecekapan operasi dan tahap pematuhan terhadap sistem percukaian negara.

E-Invois merujuk representasi digital bagi setiap transaksi perniagaan yang dijalankan untuk menggantikan penggunaan dokumen fizikal atau elektronik seperti invois, nota kredit dan nota debit. Melalui sistem ini, perniagaan boleh menghasilkan, mengurus dan menyimpan invois dalam format digital yang ditetapkan. Kaedah ini selaras dengan amalan perniagaan global yang memberikan penekanan kepada aspek kecekapan, ketelusan dan automasi data selaras dengan keperluan pematuhan cukai.

Setiap dokumen transaksi seperti invois, nota kredit, nota debit mahupun nota bayaran balik akan dihantar terus kepada HASiL secara masa nyata untuk pengesahan sebelum dikongsikan kepada penerima dokumen. Pendekatan ini dapat mengurangkan risiko kesilapan maklumat yang berpunca daripada kecuai manusia atau manipulasi data seterusnya meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat perniagaan.

Peranan e-Invois dalam Memodenkan PMKS

Sektor PMKS merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia dengan sumbangan sekitar 39 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Walau bagaimanapun, kelemahan dalam tadbir urus kewangan dan pergantungan pada prosedur operasi secara manual menjadi antara punca utama kurangnya daya saing dalam PMKS. Cabaran ini juga menyebabkan sektor ini berisiko dari segi pematuhan kepada peraturan percukaian. Oleh itu, pelaksanaan e-Invois merupakan langkah strategik yang dapat membantu PMKS membina asas tadbir urus yang lebih kukuh dan selari dengan dasar pendigitalan negara. Pada masa yang sama, langkah ini turut berperanan mengukuhkan sistem pentadbiran cukai negara melalui peningkatan ketelusan dan pematuhan yang lebih baik.

Melalui penggunaan e-Invois, rekod kewangan perniagaan dapat disimpan secara tersusun, seterusnya memudahkan pemilik perniagaan menganalisis prestasi jualan, mengurus aliran tunai dan menyediakan laporan kewangan yang lebih tepat. Di samping itu, automasi melalui pelaksanaan sistem

digital ini membantu mengurangkan kebergantungan pada tenaga kerja dalam tugas pentadbiran rutin. Kecekapan operasi harian dapat ditingkatkan, manakala pelaporan cukai menjadi lebih mudah dan tepat kerana semua transaksi direkodkan secara sistematik dan berintegrasi terus dengan sistem percukaian negara.

Garis Masa Pelaksanaan Terkini e-Invois

Bagi memastikan proses peralihan kepada sistem e-Invois berjalan dengan lancar dan mengambil kira kapasiti pelbagai saiz perniagaan, kerajaan telah menetapkan garis masa pelaksanaan mandatori yang berasaskan julat pendapatan atau jualan tahunan syarikat. Penetapan garis masa ini bertujuan memberikan ruang yang mencukupi kepada perniagaan untuk melakukan penyesuaian terhadap operasi mereka agar selari dengan kehendak transformasi digital negara.

Sasaran Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta hingga RM100 juta	1 Januari 2025
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM5 juta hingga RM25 juta	1 Julai 2025
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta hingga RM5 juta	1 Januari 2026
Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan hingga RM1 juta	1 Julai 2026

HASiL sedar akan cabaran yang dihadapi oleh pembayar cukai dalam tempoh peralihan ke arah pelaksanaan e-Invois. Sehubungan dengan itu, Kerajaan bersetuju memberikan tempoh kelonggaran selama enam bulan bagi setiap fasa pelaksanaan. Sepanjang tempoh ini, HASiL menyarankan perniagaan untuk mengambil peluang menambah baik keseluruhan proses operasi perniagaan serta sistem bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar.

Selari dengan pengumuman tersebut, Kerajaan turut bersetuju memberikan pengecualian pelaksanaan e-Invois kepada perniagaan (pembayar cukai) dengan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM500,000. Walaupun begitu, perniagaan dalam kumpulan perusahaan mikro dan kecil amat digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela memandangkan manfaat digitalisasi ini dapat membantu meningkatkan ketelusan dan kecekapan operasi perniagaan mereka dalam jangka panjang.

Mekanisme Penghantaran e-Invois kepada HASiL

HASiL menyediakan dua mekanisme utama bagi pelaksanaan e-Invois seperti yang berikut:

- Portal dan Aplikasi MyInvois – Platform ini dibangunkan oleh HASiL secara percuma dan sesuai digunakan oleh PMKS yang belum mempunyai sistem perakaunan sendiri. Melalui platform ini, pengguna dapat mengeluarkan, membatalkan atau menyemak invois dan dokumen perniagaan yang lain dengan lebih mudah. Pendekatan ini juga memastikan pematuhan terus terhadap keperluan e-Invois. HASiL turut menyediakan aplikasi mudah alih MyInvois yang boleh diakses menerusi telefon pintar bagi memudahkan pengurusan invois secara fleksibel.

- (b) Application Programming Interface (API) – Mekanisme ini membolehkan perniagaan melakukan integrasi antara sistem perniagaan sedia ada dengan Sistem MyInvois yang dikendalikan oleh HASiL. Integrasi ini membolehkan penghantaran data dilakukan secara lebih lancar mengikut keperluan perniagaan, terutamanya bagi perniagaan bersaiz besar dan kompleks. Walau bagaimanapun, penggunaan mekanisme API ini memerlukan pelaburan awal dari segi kewangan, teknologi dan pembangunan sistem.

Sebagai tambahan, bagi menyokong ekosistem PMKS, HASiL turut memperkenalkan Sistem MyInvois e-POS, iaitu platform digital Point-of-Sale (POS) yang boleh digunakan secara percuma oleh perniagaan yang berkecayaan. Platform ini bertujuan meningkatkan kecekapan operasi perniagaan harian yang melibatkan transaksi secara langsung dengan pengguna akhir (Business-to-Consumer atau B2C), di samping memenuhi keperluan pelaksanaan e-Invois.

Insentif dan Kelonggaran bagi Memudah Cara Pelaksanaan

Menyedari cabaran peralihan yang mungkin dihadapi oleh PMKS, kerajaan turut menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan pematuhan awal terhadap inisiatif digitalisasi. Antara insentif tersebut termasuklah:

- Elaun modal dipercepat daripada tiga tahun kepada dua tahun bagi pembelian peralatan teknologi maklumat dan komunikasi, pembangunan perisian dan kos perundingan berkaitan dengan sistem e-Invois bagi tahun taksiran 2024 dan 2025.
- Potongan cukai sehingga RM50,000 setahun bagi kos berkaitan dengan inisiatif Pemeliharaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), termasuk pelaksanaan e-Invois bagi tahun taksiran 2024 hingga 2027.
- Kelonggaran tempoh interim selama enam bulan dari tarikh pelaksanaan mandatori bagi setiap fasa untuk membolehkan perniagaan menyelaras keperluan pelaksanaan e-Invois dengan secukupnya tanpa perlu risau terhadap sebarang penalti sepanjang tempoh peralihan tersebut.

Langkah ini bertujuan memberikan ruang dan sokongan yang mencukupi kepada perniagaan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baharu tanpa menghadapi tekanan kewangan yang melampau.

Implikasi Strategik terhadap Masa Hadapan PMKS

Secara keseluruhannya, pelaksanaan e-Invois bukan hanya bertujuan memenuhi kehendak kawal selia percukaian, bahkan berfungsi sebagai landasan kepada transformasi menyeluruh pengurusan kewangan PMKS di Malaysia. Sistem ini juga dapat membantu mengurangkan ekonomi bayangan yang selama ini menghakis hasil negara, sekali gus memperkukuh asas fiskal negara dalam jangka panjang. PMKS yang berjaya menyesuaikan diri dengan sistem e-Invois akan lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran baharu dalam era digital, termasuk keperluan pelaporan kewangan yang mematuhi piawaian, pengawalseliaan rentas sempadan dan persaingan global yang menuntut tahap kecekapan operasi yang tinggi.

Kemudahan Komunikasi

Usaha memodenkan dan mendigitalkan ekosistem perniagaan melalui pelaksanaan e-Invois perlu dilihat sebagai suatu transformasi menyeluruh yang mampu meningkatkan keupayaan PMKS ke tahap yang lebih mampan dan berdaya saing. Melalui sokongan infrastruktur digital yang tersedia, tawaran insentif kewangan dan kelonggaran peralihan, PMKS wajar mengambil peluang ini untuk merangka hala tuju perniagaan yang lebih selari dengan kehendak ekonomi digital masa hadapan. Pelaksanaan e-Invois bukan sekadar memenuhi keperluan pematuhan undang-undang, tetapi merupakan langkah strategik bagi membina daya tahan dan kelangsungan perniagaan dalam ekosistem yang semakin telus dan berteraskan data.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar, HASiL telah menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi memudahkan pembayar cukai mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat. Saluran ini seperti yang berikut:

- (a) Berkunjung ke pejabat HASiL;
- (b) Meja Bantuan e-Invois HASiL melalui talian 03-86828000 (talian 24 jam);
- (c) MyInvois Live Chat;
- (d) E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- (e) Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois menerusi pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.



KUIZ

E-Invois: Memacu Pendigitalan Ekosistem Perniagaan PMKS

P	D	J	N	N	I	F	L	E	K	S	I	B	E	L	I
P	E	S	A	T	U	N	N	M	E	I	I	S	A	A	L
E	E	D	U	A	E	A	S	A	I	S	M	I	A	T	L
N	S	F	A	Y	A	A	E	N	A	M	L	I	M	A	F
G	U	H	A	S	I	L	L	T	F	F	I	T	A	A	A
U	K	E	W	A	N	G	N	A	K	I	L	I	M	E	P
R	A	A	P	L	P	E	U	B	I	K	A	Y	U	V	T
U	R	U	I	J	M	O	O	L	T	E	R	A	T	U	R
S	E	J	U	U	K	I	T	A	G	G	P	T	L	U	C
A	L	R	K	L	S	R	R	T	A	H	U	N	A	N	T
N	A	O	U	A	M	N	E	R	A	A	N	G	U	N	N
A	D	A	A	T	K	E	L	O	N	G	G	A	R	A	N
J	U	A	L	A	N	C	I	P	A	R	R	U	L	L	P

1. Pelaksanaan e-Invois terhadap pembayar cukai, khususnya PMKS dapat memastikan sistem perekodan dan _____ perniagaan adalah sistematik dan teratur.
2. E-Invois juga memudahkan _____ perniagaan menganalisis prestasi jualan, mengurus aliran tunai dan menyediakan pelaporan kewangan yang lebih tepat.
3. Penentuan garis masa mandatori pelaksanaan e-Invois terhadap pemilik perniagaan ditentukan mengikut _____ pendapatan atau jualan tahunan.
4. Selain membantu _____ membina tadbir urus perniagaan selari dengan dasar pendigitalan negara, pelaksanaan e-Invois turut membantu mengukuhkan sistem pentadbiran percukaian negara.
5. Tarikh pelaksanaan e-Invois Fasa Kelima yang bermula pada 1 Julai 2026 adalah untuk pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan hingga RM _____ juta.
6. HASiL menyarankan pemilik perniagaan mengambil peluang menambah baik keseluruhan proses operasi perniagaan sepanjang tempoh _____ yang diberikan oleh Kerajaan.
7. Perniagaan dalam PMKS digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara _____ memandangkan manfaat digitalisasi ini dapat membantu meningkatkan kecekapan operasi perniagaan.
8. Platform _____ dan Aplikasi MyInvois dibangunkan oleh HASiL secara percuma dan sesuai untuk PMKS yang belum mempunyai sistem perakaunan sendiri.
9. Aplikasi mudah alih MyInvois turut disediakan oleh HASiL dan boleh diakses melalui telefon pintar bagi kemudahan pengurusan invois secara _____.
10. E-Invois juga berperanan sebagai landasan kepada transformasi menyeluruh _____ kewangan PMKS di Malaysia.

Peraturan

1. Peraduan ini terbuka kepada pembaca majalah *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
2. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
 - (i) Nama:
 - (ii) Alamat Rumah:
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan:
 - (iv) Nombor Telefon:
 - (v) Nama Bank:
 - (vi) Nombor Akaun Bank (Akaun Milik Peserta):
 - (vii) E-mel:
3. Jawapan hendaklah dihantar kepada LHDNM selewat-lewatnya pada **30 September 2025** melalui e-mel yang berikut:
 - (i) azizi.mamat@hasil.gov.my
 - (ii) muhammadhisham@hasil.gov.my
4. Pemilihan pemenang ditentukan berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

Hadiah Menarik!

"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpentas!"